



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MENARA HASIL, ARAS 18
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-83138888
Faks : 03-83137801
: 03-83137802
: 03-83137803
: 03-83137804
: 03-83137805
: 03-83137806

Laman Web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Kami: LHDN.AO.C. 600-1/7/4 Jilid 2()

Tarikh : 28 Jun 2018

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
4th Floor, MMA House
124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

Tuan,

PROSEDUR RAYUAN BERHUBUNG KES DOKTOR PAKAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Catatan Perbincangan Tax Treatment By Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) On Private Medical Specialist bertarikh 11 Jun 2018.

2. Keputusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia

- 2.1 Layanan cukai sepertimana yang diputuskan melalui arahan terdahulu tidak terpakai bagi tahun taksiran 2013, 2014, 2015 dan 2016. Mulai tahun taksiran 2017, pendirian LHDNM adalah kekal iaitu pendapatan yang diterima oleh doktor pakar daripada perkhidmatan konsultansi yang diberikan akan ditaksir sebagai pendapatan individu doktor tersebut dan bukannya sebagai pendapatan Syarikat Sdn Bhd.
- 2.2 Bagi membolehkan semakan dibuat terhadap taksiran yang telah dibangkitkan bagi tahun taksiran 2013, 2014, 2015 dan 2016, pembayar cukai hendaklah mengemukakan rayuan dengan mengisi **Borang Q (Lampiran 1)** dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dibangkitkan.
- 2.3 Walau bagaimanapun bagi taksiran yang telah dibangkitkan melebihi 30 hari, pembayar cukai perlu mengemukakan permohonan lanjutan masa dengan mengisi **Borang N (Lampiran 2)** sebelum mengemukakan **Borang Q**. Pengemukakan rayuan hendaklah dibuat sebelum atau pada **30 September 2018**.
- 2.4 **Taksiran kurangan** akan dibangkitkan ke atas tahun-tahun taksiran yang berkaitan bagi fail cukai pendapatan individu doktor pakar setelah rayuan Borang Q yang dikemukakan oleh pembayar cukai diproses. Pengenaan penalti terhadap cukai individu bagi tahun-tahun yang berkenaan yang telah dibangkitkan akan juga dilepaskan.
- 2.5 **Taksiran / taksiran tambahan** akan dibangkitkan semula ke atas pendapatan Syarikat Sdn. Bhd. bagi **tahun-tahun taksiran yang terlibat**.

- 2.6 Jika terdapat tuntutan perbelanjaan syarikat sendirian berhad yang tidak mematuhi peruntukan Subseksyen 33 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) atau tuntutan elaun modal yang tidak layak di bawah Jadual 3 ACP, pelarasan akan dibuat ke atas pengiraan cukai syarikat.
- 2.7 Jika terdapat pendapatan syarikat sendirian berhad yang belum atau kurang dilaporkan, pelarasan yang sama akan dibuat.
- 2.8 Sebarang kredit cukai (jika ada) dalam fail individu pembayar cukai akan dipindahkan ke fail syarikat apabila taksiran pindaan selesai dibuat. Pembayar cukai diminta untuk memberikan kebenaran (*consent*) secara bertulis bagi membolehkan pindahan kredit dilakukan. Sekiranya terdapat lebih kredit selepas mengambil kira cukai syarikat sendirian berhad, pembayar cukai boleh memilih sama ada untuk memohon bayaran balik atau menggunakan kredit di dalam akaun ini bagi tujuan mengurangkan debit akan datang.
- 2.9 Mulai tahun taksiran 2017, pendapatan doktor pakar daripada perkhidmatan konsultansi yang diterima daripada hospital swasta perlu dilaporkan sebagai pendapatan individu doktor pakar di bawah perenggan 4(a) ACP.
- 2.10 Walau bagaimanapun pihak LHDNM bersedia untuk mempertimbangkan layanan yang sebaliknya jika dapat dibuktikan bahawa terdapat fakta yang menyokong kes rayuan doktor pakar yang berkenaan. Pertimbangan dan keputusan yang akan diberikan adalah berdasarkan kepada *case to case basis* dan bergantung kepada model perniagaan yang dijalankan.

3. Pengenaan Penalti

- 3.1. Penalti yang telah dikenakan ke atas taksiran individu yang dibangkitkan sebelum ini akan dilepaskan atau dikurangkan selaras dengan taksiran kurangan yang akan dibangkitkan.
- 3.2. Penalti di bawah Subseksyen 112(3) (kegagalan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan dalam tempoh) dan / atau 113(2) (*incorrect return*) boleh dikenakan sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan seperti perenggan 2.6 dan 2.7 di atas.

4. Prosedur Pengemukakan Rayuan (Borang Q dan Borang N)

- 4.1. Semua rayuan perlu dikemukakan dengan menggunakan Borang Q seperti yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum Bilangan 12 Tahun 2017.

- 4.2. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan empat (4) salinan Borang Q bagi setiap tahun taksiran dan perlu memastikan sekurang- kurangnya satu (1) salinan Borang Q adalah **salinan asal** manakala tiga (3) salinan lagi boleh difotokopi.
- 4.3. Borang Q yang lengkap hendaklah mengandungi maklumat berikut:
- i. Tarikh dan amaun cukai yang kena dibayar (Amaun cukai yang kena dibayar adalah merujuk kepada notis taksiran yang dipertikaikan);
 - ii. Alasan rayuan adalah berasaskan keputusan perbincangan diantara LHDNM dengan Persatuan Perubatan Malaysia bertarikh 8 Jun 2018.
 - iii. Sekiranya rayuan melibatkan isu-isu lain, pembayar cukai hendaklah menyatakan alasan rayuan secara terperinci serta mengemukakan maklumat yang diperlukan oleh borang itu; dan
 - iv. Borang Q mesti ditandatangani oleh perayu iaitu orang yang ditaksir dan dikenakan cukai.
- 4.4. Bagi rayuan yang tidak dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran dikeluarkan, pembayar cukai hendaklah membuat permohonan lanjutan masa untuk merayu melalui Borang N.
- 4.5. Borang N perlu dikemukakan dalam dua (2) salinan bagi setiap tahun taksiran iaitu satu (1) salinan Borang N asal manakala satu (1) salinan lagi adalah salinan fotokopi.
- 4.6. Semua permohonan lanjutan masa melalui Borang N yang dihantar dalam tempoh sehingga 30 September 2018 akan diterima dan dibenarkan.

5. Pengendalian Rayuan

- 5.1. Semua pengemukaan rayuan bagi isu ini hendaklah dihantar kepada:

Jabatan Pematuhan Cukai
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 14
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, Peti Surat 11833
63000 Cyberjaya

- 5.2. Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di bawah melalui e-mel atau di talian 03-8313 8888:


- i. Puan Saleha Illiana binti Amir
(saleha@hasil.gov.my, samb: 21404, 019-3566284)

- ii. Puan Wan Rabi'atul Adawiah binti Hussain
(rabiatuladawiah@hasil.gov.my, samb: 21410)
- iii. Encik Khairudin bin Shamsudin
(khairudin_shamsudin@hasil.gov.my, samb: 21456)
- iv. Puan Fazliza binti Mohd Kasim
(fazliza@hasil.gov.my, samb: 21431)
- v. Puan Farah Dyana binti Abdullah
(farahdyana@hasil.gov.my, samb: 21443)
- vi. Puan Suriati binti Muhammad Noor
(suriati.m@hasil.gov.my, samb: 21418)
- vii. Encik Mohd Fauzi bin Mohd Hashim
(mohdfauzi.m@hasil.gov.my, samb: 21450)
- viii. Encik Mohd Harzely Hasnor bin Baharuddin
(mohdharzely@hasil.gov.my, samb: 21427)
- ix. Puan Khairiliana binti Shamsul Khairil
(khairiliana@hasil.gov.my, samb: 21434)

6. Kerjasama dan perhatian pihak tuan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"



[ABDUL MANAP BIN DIM]
Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

S.k:

1. Ybhg. Dato' Sri Sabin bin Samitah
Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

2. Presiden
Persatuan Pakar Amalan Perubatan Swasta, Malaysia (ASPMP)
G-1 Medical Academies of Malaysia
210 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur